

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), PDRM telah menerima satu laporan berkaitan Jalan Campbell Repot 04978/17 dan kes ini telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan. Kes ini masih dalam peringkat penyiasatan dan PDRM masih menunggu laporan dari Jabatan Kimia dan Jabatan Forensik untuk melengkapkan siasatan. Kertas siasatan akan diedarkan kepada Timbalan Pendakwaraya sebaik sahaja semua keterangan diperolehi untuk arahan selanjutnya.

Bagi menjawab soalan (b), anggota yang disyaki terlibat dalam kes ini telah ditukarkan dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban sebagai anggota pengawal pengiring. Tindakan untuk “tahan kerja” kepada anggota berkenaan hanya akan diambil sekiranya beliau dituduh di mahkamah atas kesalahan tersebut. Dalam proses siasatan tersebut, anggota berkenaan masih boleh menjalankan tugas hakiki beliau sehingga keputusan kes diputuskan oleh Peguam Negara.